

## Nota Penyelidikan / Research Notes

# Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis

## Measuring Malay Values: An Exploratory Study

JEANNOT ABDUL KARIM & KHAIRUL ANUAR REZO

### ABSTRAK

*Kajian budaya dan nilai Melayu sering kali menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan sorotan kajian. Namun, kajian yang bersifat penerokaan ini menggunakan perspektif kuantitatif dalam menilai nilai-nilai Melayu. Nilai merupakan satu istilah yang berkait rapat dengan budaya. Satu senarai soalan telah diformulasikan bagi mengenal pasti nilai-nilai Melayu tersebut dengan membabitkan seramai lima ratus responden. Jenis soalan utama yang digunakan bagi penyelidikan ini adalah berdasarkan tujuh mata skala Likert. Kebolehpercayaan terhadap skala diukur dengan nilai tinggi alpha cronbach. Hasil daripada pemfaktoran, dua faktor telah dikenal pasti, iaitu Keamanan, Harmoni dan Masyarakat (faktor satu) serta mengambil berat dan bertimbang rasa (faktor dua). Hasil kajian memperlihatkan bahawa kaum Melayu, melalui kaedah kuantitatifnya, selalu dijelaskan sebagai mesra, suka membantu, pemaaf, penyayang dan pemurah serta mempunyai sifat perikemanusiaan yang kuat.*

*Kata kunci:* kajian etnik, konstruk nilai, nilai Melayu, sifat budaya, skala Likert

### ABSTRACT

*Studies on the Malay culture and values had more often than not adopted qualitative approaches. This study, however, seek to explore the world of Malay culture and values from a quantitative perspective. Departing from the standpoint that a set of values would represent the crux of a culture, a list formulating the Malay cultural values is constructed based on the questionnaire returns from five hundred respondents. The main questions posed in this study were based on seven Likert scales the validation of which is measured with the alpha cronbach scores. The factoring involved two factor sets, namely, Peace, Harmony and Society on the one hand and Sense of Concern and Sense of Consideration on the other. The results of the quantitative analyses reveal that generally the Malays may be regarded as friendly, helpful, forgiving, caring, generous and possessing a keen compassionate nature.*

*Keywords:* culture traits, ethnic studies, Likert scales, Malay values, value constructs

### PENGENALAN

Istilah Melayu secara akademiknya telah menarik minat golongan antropologi, ahli-ahli sejarah, politik, sosialis, ulama serta pakar-pakar bidang perniagaan sama ada di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa. Ini tidaklah menghairankan kerana erti serta makna Melayu itu sendiri sering diperdebatkan. Seperti yang dinyatakan oleh Barnard (2004), maksud Melayu yang sebenar masih belum termaktub dan tidak akan wujud. Ini menjadikan pemikiran, penulisan dan perbualan tentang dunia Melayu satu percubaan yang berani serta hasil kajiannya akan sentiasa diperdebatkan.

Kajian dan penulisan tentang Melayu telah banyak dijalankan, tetapi majoriti kajian tersebut adalah di dalam bentuk kualitatif berdasarkan sorotan kajian naskhah Melayu klasik, pemerhatian dan kajian kes. Manakala perbincangan khusus tentang nilai Melayu secara amnya lebih bertumpu kepada mempertahankan nilai Melayu

serta nilai-nilai Melayu yang kian menipis di kalangan generasi muda. Apa yang lebih menarik, nilai-nilai Melayu yang banyak diperkatakan dalam kesusastraan akademik ini tidak pernah diukur secara kuantitatif dengan skala ukuran yang dapat mengukur kekuatan pegangan nilai-nilai Melayu.

Tiada percubaan ditemui oleh penyelidik tentang penerbitan kajian yang mengukur nilai Melayu dalam bentuk skala, apatah lagi ujian psikometrik secara kuantitatif dan statistik terhadap nilai-nilai Melayu ini. Oleh kerana terdapat hanya segelintir (mungkin juga tiada) kertas kajian atau percubaan untuk menilai secara kuantitatif nilai-nilai Melayu, penyelidik telah terpanggil untuk menyahut cabaran mereka bentuk satu skala pengukuran nilai-nilai Melayu. Ingin dinyatakan disini, penyelidikan ini mahu tak mahu tidak dapat lari dari kenyataan bahawa ianya merupakan satu kajian perintis. Disebabkan ini, hasil kajian ini mungkin terjejas dan mungkin diperdebatkan. Walau

bagaimanapun, penyelidik merasakan kepentingan sumbangan kajian ini kepada pengkajian Melayu dan ianya perlu dilakukan.

Kertas kajian ini akan dimulakan dengan memberi pandangan ringkas tentang budaya, terutamanya budaya dan nilai-nilai Melayu berdasarkan kajian yang pernah diterbitkan diikuti oleh ulasan ringkas mengenai kaedah kajian.

## BUDAYA

Sukar bagi kita untuk mendefinisikan budaya kerana budaya adalah personaliti masyarakat (Schiffman 2007). Kroebar dan Kluckhorn (1952) telah memperjelas ciri-ciri kompleks budaya dengan mengenal pasti 160 definisi budaya. Secara amnya, budaya boleh didefinisikan sebagai perkongsian dan persamaan kepercayaan serta nilai asas yang menerangkan apa yang mestui dan apa yang sepatutnya dipegang dalam kehidupan (Asma Abdullah 1992). Menurut Hofstede (1984), budaya merupakan satu pemprograman minda secara kolektif yang membezakan ahli-ahli sesebuah kumpulan atau kategori manusia dengan kumpulan dan kategori manusia yang lain. Ianya merupakan peningkatan simpanan pengetahuan, pengalaman, niat, kepercayaan, nilai, sikap, agama, kendiri, alam maya, status hierarki, tujuan, jarak hubungan dan konsep masa yang dimiliki oleh satu kumpulan yang besar secara turun-temurun melalui aktiviti-aktiviti individu dan berkumpulan.

Nilai merupakan satu istilah yang berkait rapat dengan budaya. Nilai boleh diuraikan sebagai kepercayaan berterusan di mana ianya merupakan cara berkelakuan khusus dalam kehidupan serta diterima dalam masyarakat Rokeach (1973). Schwartz (1994) pula melihat nilai sebagai prinsip yang mengawal kehidupan seseorang atau kelompok sosial. Ianya merupakan pegangan utama, kepercayaan berterusan yang memandu tindakan dan penilaian terhadap situasi-situasi tertentu, menjurus kepada erti kehidupan / kewujudan yang lebih bermakna. Kebebasan, kenikmatan dan ketenangan dalam merupaka contoh-contoh nilai.

Nilai mempengaruhi cara pemikiran, berkelakuan, perhubungan sesama manusia serta perlaksanaan tugas sehari-hari. Nilai berkait dengan perasaan yang wujud dalam majoriti ahli sesebuah budaya dan ianya diperturunkan melalui beberapa agen sosial seperti keluarga, sekolah dan lain-lain. Nilai adalah perkongsian kepercayaan antara ahli kumpulan tentang gelagat yang boleh diterima dan yang tidak boleh diterima.

Pembentukan nilai serta budaya dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran. Sepertimana dengan budaya lain, budaya Melayu juga telah dipengaruhi dengan pelbagai faktor luaran. Pengaruh utama yang terbesar terhadap budaya Melayu adalah daripada benua Timur Tengah dan India. Pengaruh-pengaruh tersebut boleh dilihat di dalam bahasa, kesusastraan, nilai yang

membentuk norma, adat resam dan tingkah laku. Sebagai contoh, bahasa Melayu banyak meminjam perkataan bahasa Arab dan Sanskrit seperti, antaranya, ‘ikhlas’, dan ‘sabar’ (bahasa Arab) dan ‘setia’ (Sanskrit). Sesetengah tradisi Melayu jika diperhatikan adalah kesan daripada Hinduisme, tetapi agama Islamlah yang paling kuat mempengaruhi tradisi tersebut. Islam dan tradisi budaya Melayu atau ‘adat’ wujud bersama sebagai pengaruh yang besar dalam kehidupan terkini. Kedua-duanya menitikberatkan kelakuan yang harus diikuti dalam setiap unsur kehidupan

Tidak dapat dinafikan, budaya orang Melayu bergantung dan berlandaskan kepada unsur-unsur keagamaan. Oleh itu, amat jarang didapati orang Melayu menyangkal seruan di dalam al-Quran maupun Hadith. Terdapat beberapa nilai orang Melayu telah ditentukan dan tidak boleh diubah. Bagi orang Melayu, al-Quran merupakan kalimah Tuhan yang mendefinisikan garis panduan untuk diikuti bagi setiap golongan manusia. Panduan-panduan tersebut adalah menyeluruh (*syumul*), merangkumi aspek-aspek kehidupan dari sudut sosial, ekonomi, politik, moral dan kerohanian. Al-Quran menyatakan dengan jelas apa yang ‘halal’ dan apa yang ‘haram’. Sebagai contoh, pendirian orang Melayu terhadap larangan meminum arak, makanan halal dan bersekedudukan sebelum nikah tidak mungkin berubah.

Dalam aspek pergaulan, agama Islam juga banyak mempengaruhi orang Melayu. Umpamanya orang Melayu diajar untuk tidak mengatakan sesuatu yang boleh menyakiti hati orang lain serta mengkritik orang secara terbuka, dan ianya adalah selari dengan ajaran Islam berkenaan etika pergaulan.

Walaupun Islam telah lama menjadi agama bagi orang Melayu, kepercayaan kepada kuasa-kuasa alam dan Hindu masih lagi menjadi warisan Melayu. Ini dapat dilihat dalam banyak kepercayaan tradisional mereka, adat resam, upacara dan juga luahan manifestasi kesenian. Pengaruh ini dapat dilihat dalam sesetengah rawatan tradisional, serta juga upacara yang berkaitan dengan kelahiran, bertindik, berkhatan dan juga perkahwinan yang memperlihatkan percampuran pelbagai budaya. Walau bagaimanapun, sesetengah upacara seperti yang berkaitan dengan pengebumian, masih mengekalkan dan menekankan kehendak Islam.

Adat atau budaya serta cara orang Melayu melakukan kerja, memainkan peranan yang penting dalam sistem komuniti sosial Melayu. Adat mengandungi sistem nilai, norma, kelakuan dan pemikiran yang dibawa turun-temurun daripada generasi ke generasi. Secara amnya, budaya Melayu atau adat dapat diperlihatkan dalam Adat Resam Berumah tangga, Adat Resam Berkampung Halaman dan Adat Teradat. Nilai-nilai yang terkandung dalam gelagat norma sosial ini antaranya adalah sabar dan mengawal diri bagi menjaga kerukunan keluarga, hormat dan budi yang menjadi nadi ke arah keharmonian dan kesepakatan.

Bagi majoriti orang Melayu, adat adalah undang-undang dan sebagaimana undang-undang, adat perlu diikuti. Ketidak prihatinan tentang peraturan-peraturan adat adalah seperti tidak mengetahui budaya Melayu. Seseorang yang tahu membawa diri dan bertingkah laku adalah seseorang yang tahu adat dan cara berkelakuan. Seperti yang dinyatakan oleh Norazit Selat (1995), seorang Melayu yang sempurna adalah seorang yang tahu adab dan berkelakuan sepatutnya. Secara ringkas, seseorang Melayu itu sepatutnya tahu cara berkelakuan dalam situasi-situasi tertentu. Pantun Melayu ada mengatakan:

*Pohon pandan pohon berduri,  
Dipandang amat sedap.  
Hidup di dunia bahasa dan budi,  
Serta juga tertib beradab.*

#### SIFAT BUDAYA MELAYU

Pemerhati Eropah secara amnya menceritakan budaya Melayu sebagai budaya halus serta menghargai sifat rendah diri, mesra dan sensitif serta orang Melayu itu sendiri sebagai beradab dan berperwatakan menarik. Francois Valentyn, sepetimana yang diungkapkan oleh Syed Husein (1977) yang menulis sejarah tentang Melaka pada 1726 AD., menyatakan yang orang Melayu itu bersifat ceria, berseloka dan tidak menunjuk-nunjuk. Mereka sangat licik, cerdik dan masyarakat yang paling santun di Timur.

Frank Swettenham mencatatkan sifat-sifat Melayu dalam bukunya yang berjudul *The Real Malays*:

Sifat-sifatnya secara am adalah baik, beradab sopan dan menyenangkan. Tidak pernah berundur, dia suka merendah diri dengan orang yang tidak dikenali dan berprasangka walaupun tidak ditunjukkan. Dia petah bertutur, berkias, suka menggunakan perumpamaan dan sangat berwaspada. Dia suka berjenaka dan sangat menggemari lawak jenaka.

Sifat konservatifnya ketara, bangga dan menyukai negaranya, mengagungkan adat resam dan tradisi lamanya, menghormati Raja-rajanya dan mempunyai sikap hormat kepada pemerintah serta sukar menerima inovasi dan menolak inovasi tersebut terutamanya sekiranya inovasi itu diperkenalkan secara tiba-tiba”.

*Tas-hiluNalil Amani* yang ditulis di dalam bahasa Arab oleh Syaikh Ahmad Al Fatani pada tahun 1883 menyatakan berikut mengenai orang Melayu:

Bangsa Melayu itu adalah bersifat ikhlas, lemah lembut, lunak, berperibadi baik. Sebahagian ciri-ciri khas mereka itu, ialah bahawa tidak terlihat di negeri mereka dan lainnya peminta walaupun keadaan mereka sendiri sangat miskin.

Huraian yang lebih lanjut mengenai sifat Melayu dicatatkan dalam bukunya Faridatul Faraid yang diterbitkan pada 1895:

“Adalah maruah pada jenis Melayu terlebih banyak daripada setengah jenis lainnya. Dengan dalil bahawa mereka memuliakan orang-orang dagang yang baik baik datang ke negeri mereka terutama sekali pedagang bahasa Arab. Mereka tidak mengharapkan sebarang balas jasa, dan jika mereka tidak dibalas dengan syukur sekalipun. Bangsa Melayu tidak banyak tipu daya, bahawa tiada pula kelakuan mereka suka menghilangkan air muka dengan meminta-minta, berbeda dengan jenis bangsa bangsa lainnya.

Adat Raja Melayu, sebuah buku berkenaan Budaya Melayu yang ditulis oleh Datuk Zainuddin Mahbub seorang kapitan Melayu dibawah pemerintahan Belanda pada 1779, menerangkan yang berikut berkenaan Melayu:

.....adalah erti Melayu seumpama pucuk kayu yang melayukan dirinya dan bukan layunya itu kerana terkena panas atau api. Bahawa dengan sahaja-sahaja ini jua ia melayukan dirinya, yakni ia merendahkan dirinya dan tiada ia mahu membesarakan dirinya baik daripada adab tertibnya atau daripada bahasa peraturannya atau daripada adab makan dan minumnya dan perjalannnya dan kedudukannya samada dalam majlis atau pada tempat yang lain. Maka daripada perkara itu tiada diperbuatnya dengan mamang (melampau), melainkan adalah dengan perangainya yang lemah lembut, tiada dengan berlebih-lebihan dan dengan berkurangan itulah adanya.

Abdul Rahman Haji Ismail (1998) dalam artikelnya ‘Melayu dan Kemelayuan: Peribadi Anjal Merendah Zaman’, merumuskan bahawa Melayu itu merujuk kepada cara kelakuan, tradisi atau tindakan yang menjadi teras dan inti pati atau pendorong ke arah Melayu dan kemelayuan

Di dalam sorotan kajian lepas, penulis-penulis Melayu kontemporari mempunyai pendapat berikut:

“Nilai asas atau ideal budaya Melayu adalah bertimbang rasa dan menjaga hati. Ini diperlihatkan dengan menunjukkan tanda hormat, mengutamakan ibu bapa, pemimpin dan orang tua ditambah pula dengan sikap berbudi bahasa dan bersopan santun”.

Konsep ini dapat dilihat dalam apa yang diistilahkan oleh orang Melayu sebagai budi.

Budi merupakan istilah penting dalam memahami orang Melayu. Budi sukar untuk didefinisikan kerana ianya merangkumi keseluruhan cara hidup Melayu dan secara amnya ianya boleh memberi maksud intelek dan kebaikan. Asma (1992) dan Tham (1977) menerangkan budi sebagai sistem etika Melayu. Ianya adalah teras perhubungan sosial dan penghasilan norma individu dan gelagat sosial. Hassan Ahmad (2001) menyatakan yang kewujudan akal budi dan hati budi sangat penting kepada orang Melayu kerana dua elemen ini adalah sebahagian identiti utama mereka. Cara individu berasa dan berfikir tentang dirinya dibimbing dengan budi yang kompleks.

Ianya telah diterangkan oleh Dahlan (1991) sebagai pengakuan keutamaan ‘rasa’ (*feel*) berbanding kefahaman rasional. Perkataan timbang rasa atau melihat dan menilai sesuatu dengan rasa hati dengan budi bicara sangat seimbang.

Penggunaan akal waras dan emosi secara halusnya diimbangi dalam minda Melayu. Satu ungkapan oleh Hassan Ahmad (2001) mungkin dapat menerangkan dengan panjang lebarnya usaha orang Melayu mengimbangi kekuatan peranan rasional atau penggunaan akal waras dan emosi dalam minda Melayu. Beliau menyatakan:

... budaya akal budi Melayu bukan hanya merupakan hasil proses kognitif yang berlaku di bahagian otak sebelah kiri semata-mata, proses yang biasanya dikatakan bersifat "rasional" atau "logikal", tetapi juga proses yang datangnya dari lubuk hati dan perasaan manusia.

Hui (2003) mendefinisikan budi itu sebagai intelek seperti maksud akal budi, fikiran yang sihat. Pandangan lain tentang budi dapat dilihat secara trilogi. Trilogi tersebut adalah budi bahasa, budi pekerti dan budi bicara, secara kasarnya membawa maksud bersopan santun, berkelakuan baik dan beradab serta adil (Abd. Razak 2005). Ketiadaan salah satu elemen ini dianggap biadap dan tidak berbudaya. Asma (1992) menambah kepada konsep budi. Ianya membentuk sistem etika di mana orang Melayu memperlihatkan ciri-ciri moral dan kaedah didikan seperti di dalam hati budi dan ianya mempengaruhi cara mereka berhubung di antara satu sama lain.

Budi terbentuk dari setiap sifat terpuji dari sistem nilai sesebuah masyarakat. Menurut Asma (1992), budi secara amnya terdiri daripada sifat-sifat terpuji seperti murah hati, hormat, ikhlas, mulia, timbang rasa, malu, segan, 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa', maruah, beradab, bersopan santun serta berbudi bahasa, menghormati orang tua dan menjaga air muka orang lain.

Kompleks budi juga adalah cara untuk mengenali dunia. Ini telah dinyatakan oleh Dahlan (1991) sebagai minda sosial, di mana minda mengawal tingkah laku seseorang. Kualiti, norma dan jangkaan dalam berinteraksi antara satu sama lain adalah cara yang simbolik untuk melahirkan golongan manusia tertentu yang diterima oleh orang lain. Manusia tersebut digolongkan dari segi kehalusan, kesantunan dan keprihatinan terhadap orang lain (Dahlan 1991). Bagi orang Melayu, kompleks budi merujuk bukan sahaja dari sudut kewarasan dan kepandaian tetapi mengandungi rasa (perasaan) seperti budi bicara atau pertimbangan. Dalam erti kata lain, orang Melayu secara amnya mengetahui apa yang patut dilakukan secara intuitif dan menerusi pengalaman.

Menurut Dahlan (1991), disebabkan dengan sifat semula jadi balasan budi, seseorang yang telah menerima budi akan terhutang budi dengan orang tersebut. Kegagalan untuk membala budi apabila berpeluang melakukannya dianggap sama seperti menghina kebaikan yang telah diberikan dan dianggap sebagai melakukan kesalahan yang besar (A. Halim Ali 1979). Keperluan membala kembali budi ini difahami oleh setiap ahli

dalam sistem sosial Melayu. (A. Halim Ali 1979; Zainal Kling 1973). Pantun Melayu popular seperti di bawah mencerminkan konsep ini:

*Pisang emas dibawa baylor  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati*

Budi berkait rapat dengan adab sepetimana yang dinyatakan oleh Asmah (1992), ianya adalah peraturan berkelakuan yang sepatutnya apabila seseorang individu berhubungan dengan orang lain. Ini dapat dilihat dari sopan santun serta budi bahasa individu itu apabila bergaul dalam masyarakat. Tiga rangkap pantun di bawah memperlihatkan kepentingan budi:

*Diribut runduklah padi  
Dicupak Datuk Temenggung  
Hidup kalau tidak berbudi  
Duduk tegak ke mari canggung*

*Tegak rumah kerana sendi  
Runtuh budi rumah binasa  
Sendi bangsa ialah budi  
Runtuh budi runtuhlah bangsa.*

*Yang kurik ialah kundi  
Yang merah ialah saga  
Yang baik ialah budi  
Yang indah ialah bahasa*

Gabungan konsep budi dan bahasa melahirkan seorang yang berbudi bahasa dan apabila kedua konsep ini bersatu maka lahirlah apa yang dikenali oleh orang Melayu sebagai budi pekerti dan seterusnya individu itu dipanggil sebagai seorang yang budiman.

Sifat orang Melayu yang beradab sopan dan merendah diri serta menghindari perbalahan secara terbuka selagi boleh telah dicatat oleh Crouch (1996). Seperti yang dinyatakan oleh Goddard (1997), orang Melayu amat peka mengenai perasaan seseorang. Orang Melayu juga amat mengambil berat tentang penggunaan perkataan dan tindakan mereka supaya tidak bertentangan dengan norma masyarakat setempat. Oleh kerana itu seseorang perlu harus berfikir sebelum berkata supaya tidak melukai hati seseorang.

Orang Melayu secara amnya berusaha untuk bergaul secara baik dengan anggota masyarakat tanpa perselisihan faham dan seboleh bolehnya mengelakkan persengketaan. Sikap tidak mahu memalukan dan menyusahkan orang lain sebenarnya satu sikap unik orang Melayu. Oleh sedemikian, terdapat pendapat bahawa orang Melayu tidak berterus terang. Mungkin disebabkan oleh ini, orang Melayu dituduh sebagai hipokrit seperti komentar Jamilah (diungkap dari Salbiah Ani 1995):

Sikap tidak mahu menjatuhkan air muka dan tidak mahu menyusahkan orang sememangnya sikap khas orang Melayu. Kerana itu ada pendapat mengatakan orang Melayu tidak suka berterus-terang dan hipokrit.

Nilai-nilai Melayu seperti sabar, hormat dan berakhhlak secara amnya dilihat melalui tingkah laku yang berhati-hati dalam kehidupan seharian dan selalunya disampaikan dengan penggunaan bahasa kiasan. Bagi orang Melayu, bukan sahaja apa yang dikatakan penting, tetapi bagaimana ianya disampaikan amat bermakna. Dengan menjauhi ketidak sependapat, kritikan, keluhan dan sebarang kelakuan yang boleh mengakibatkan seseorang itu terasa, berdolak dalih atau bohong sunat bagi mengelakkan konflik, seseorang itu telah memperkenan sifat belas, mencapai harmoni dan menunjukkan akhlak yang baik. Oleh itu, budaya Melayu tidak menggalakkan luahan perasaan, sebagai satu cara yang ideal mencapai ketenangan.

Masyarakat Melayu tidak menyuarakan ketidaksefahamannya secara terbuka. Mereka juga tidak digalakkan untuk bersuara secara telus kerana ianya berkemungkinan menyebabkan kesan yang lebih serius. Kepentingan dan akibat dari apa yang dikatakan digambarkan dalam peribahasa "*berapa tajam pisau parang, tajam lagi mulut manusia*" dan "*terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya*".

Secara tradisinya, sifat dan tingkah laku yang tidak banyak berkata-kata dilihat masyarakat Melayu sebagai sifat terpuji manakala berdiam dan merendah diri merupakan tanda kekuatan dan sifat seseorang individu itu. Mengelakkan keharmonian dan mencapai kata sepakat adalah keperluan utama di kalangan masyarakat Melayu (Asma 1992).

Meada (1975) sering menyatakan yang Melayu itu lebih memilih untuk memendam perasaan ketidakpuashatinya daripada memeningkan kepala memikirkan masalah tersebut. Perselisihan dan ketidakserasan sering dianggap bukan sahaja sebagai tidak menyenangkan malahan tidak rasional.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, percanggahan dalam membuat keputusan harus dielakkan, dan untuk itu setiap individu harus meneka atau menjangka harapan dan kehendak individu lain dan melihat sejauh mana ianya boleh dipenuhi. Wilson (1967) merumuskan pandangannya tentang kelakuan dan perkara yang berkaitan dengan perhubungan sosial Melayu sebagai 'menunjukkan timbang rasa, ambil berat dan menjangkakan tindak balas orang lain.... dan kesemua itu berkaitan dengan menjaga hati orang lain'. Mahathir (1970) menulis "Orang Melayu yang baik adalah yang tidak melawan dan bersederhana, tidak suka membantah kata sepakat serta sentiasa sudi untuk berkompromi".

Konsep asas yang lain berkenaan orang Melayu adalah emosi sosial tentang malu. Orang Melayu beranggapan perasaan malu adalah elemen asas kebaikan dalam masyarakat. Swift (1995) menyamakan malu dengan 'hipersensitif' tentang apa yang difikirkan oleh orang lain. Menurut Swift (1965), konsep budaya paling asas dalam interaksi masyarakat Melayu adalah emosi sosial; orang Melayu amat bimbang dengan apa yang akan difikirkan oleh orang lain. Keinginan untuk menghindari

malu telah dikenal pasti oleh sesetengah ahli antropologi sebagai kuasa utama ke arah perpaduan perkampungan Melayu. Amnya malu adalah reaksi negatif kepada idea tentang apa yang boleh difikirkan oleh orang lain berkenaan sesuatu atau yang buruk tentang seseorang atau sesuatu, iaitu keadaan yang sangat tidak menyenangkan dalam perasaan masyarakat Melayu.

Maruah merupakan konsep yang paling rapat dengan malu. Maruah berkait dengan rasa hormat yang mempunyai hubungan dengan perasaan malu. Berasa malu menjelaskan maruah dan sebaliknya menjaga maruah seseorang akan menghalang sebarang perasaan malu. Kesimpulannya, masyarakat Melayu memastikan maruah antara satu sama lain dijaga untuk menghalang terjadinya malu. Kaum Melayu juga mempunyai model sosial yang dipanggil senang hati. Ini memperlihatkan seseorang itu menjauhkan diri dari segala perkara yang merunsingkan diri tentang masa hadapan. Perkataan senang boleh diertikan sebagai mudah atau santai yang selalu disalahertikan sebagai malas (Syed Hussein Alatas, 1977).

Ciri yang diterangkan di atas tentang orang Melayu mungkin berpunca dari sejarah budaya Melayu yang tinggal berkampung yang memerlukan semangat bekerjasama dalam melaksanakan tugas. Perkataan gotong-royong yang membawa maksud kerja bersama dalam mencapai objektif yang sama menggambarkan masyarakat Melayu mengutamakan penglibatan semangat bantu membantu. Semangat bantu membantu merupakan sesuatu yang diperlukan. Sejak zaman-berzaman, keluarga Melayu tinggal di dalam komuniti yang terdiri daripada beberapa keluarga Melayu yang lain yang membentuk sebuah kampung. Kampung merupakan unit asas sesebuah negeri. Sesebuah kampung mungkin terletak di lembah mahu pun bukit, terdiri daripada beberapa buah keluarga yang kebiasaannya mempunyai tali persaudaraan dan hubungan peribadi. Walaupun aktiviti pengeluarannya adalah secukup hidup bagi sesebuah keluarga, tetapi ahli komuniti yang lain akan bantu membantu bagi kerja-kerja yang besar dan yang membabitkan hal ehwal kampung selari dengan ajaran agama Islam yang menekan perpaduan dan rasa kepunyaan.

Orang Melayu suka bergaul dengan orang lain tanpa perselisihan dan mengelakkan dari sebarang konflik interpersonal (Goddard 1997). Orang Melayu mungkin akan melakukan apa yang sesebuah masyarakat lakukan. Ini dijelaskan dalam peribahasa "*Kalau masuk kandang kerbau menguak kalau masuk kadang kambing mengembek yang memberi nasihat tentang bagaimana bergaul dengan masyarakat*". Rasa kepunyaan ini masih wujud sehingga sekarang. Seseorang individu itu tidak terasing atau terpinggir. Seseorang itu berkait dengan orang sekelilingnya seperti Anak Encik Abdullah, emak kepada Siti, sepupu Encik Omar, dan seterusnya. Semuanya adalah satu, baik buruk seseorang itu akan tertempias ke seluruh keluarga dan komuniti.

Kepentingan bermasyarakat, hidup berkampung atau kekeluargaan digambarkan dalam peribahasa “*Air dicincang tidak akan putus*” yang membawa maksud pertalian kekeluargaan tidak akan tergugat akibat bertelingkah serupa juga dengan “*cubit paha kanan, paha kiri terasa juga*” memperlihatkan keakraban hubungan kekeluargaan ini. Kepentingan kekeluargaan dan rasa kepunyaan dalam masyarakat Melayu dapat dilihat melalui adat balik kampung semasa musim perayaan. Menurut Tham (1985), kaum Melayu percaya yang kesetiaan terhadap budaya dan cara kehidupan merupakan nilai yang penting. Lim (1998) menyimpulkan yang Melayu itu lebih berorientasikan perhubungan dalam membina kestabilan dan penghormatan yang diingini. Sebab lain kenapa kekeluargaan penting sehingga ke hari ini, mungkin kerana Malaysia tidak mempunyai sistem kebijakan keselamatan sosial seperti diamalkan oleh kebanyakan negara-negara Barat. Oleh kerana ini, adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli dalam keluarga kembangan menjaga antara satu sama lain terutama yang miskin, sakit dan tua. Anak-anak akan menjaga ibubapa mereka apabila sudah berdikari.

Hormat menghormati dan patuh kepada orang yang lebih tua adalah satu lagi ciri-ciri penting kaum Melayu. Adalah satu kebiasaan panggilan pangkat diberikan kepada orang yang lebih tua dalam sesebuah keluarga Melayu seperti Pak Long, Mak Lang, Pak Ngah mahu pun Mak Su. Panggilan pangkat ini menggambarkan atau mewakili kedudukan ahli-ahli keluarga tersebut seperti yang sulung, tengah atau yang bongsu sebagai tanda penghormatan. Penggunaan panggilan pangkat ini bukan sahaja terhad di dalam keluarga. Pangkat kebesaran seperti Tan Sri, dan Datuk dianugerahkan kepada orang Melayu yang mempunyai kuasa tinggi dalam masyarakat. Dalam upacara rasmi, kaum Melayu menitikberatkan soal penggunaan panggilan pangkat dan protokol yang betul, sebagai lambang penghormatan kepada pihak berkuasa tersebut.

Tindak tanduk pihak berkuasa atau autoriti lazimnya tidak boleh dipersoalkan atas alasan yang ketua sentiasa betul dan tidak boleh dicabar (Asmah 1992). Oleh itu adalah tidak memerlukan sekiranya kaum Melayu mempunyai dimensi jarak kuasa yang tinggi. Ini mungkin disebabkan pada zaman dahulu, sistem pemerintahan masyarakat Melayu adalah secara feudal di mana golong pertengahan hampir tidak wujud, yang ada hanya raja dan rakyat jelata. Dalam berkomunikasi sekalipun dapat dilihat perbezaan ketara antara raja dan rakyat jelata di mana kata ganti diri untuk saya bagi rakyat jelata ialah ‘patik’ yang bermaksud hamba yang hina dan bagi raja kata ganti dirinya adalah ‘tuanku’ yang membawa maksud pemilik hamba atau yang mulia.

Satu lagi pandangan merungkai situasi ini adalah orang Melayu merupakan kaum yang percaya kepada ketentuan atau qada’ dan kadar. Orang Melayu boleh menerima konsep ketidaksetaraan. Mereka menerima kenyataan bahawa setiap orang dilahirkan tidak sama dan

ianya tidak boleh diubah. Berdasarkan huraian di atas, pembangunan alat untuk mengukur nilai-nilai Melayu telah direka bentuk.

#### PEMBANGUNAN INSTRUMEN DAN REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Salah satu elemen penting dalam proses penyelidikan ialah pembangunan alat yang bersesuaian untuk mengukur konstruk yang diselidiki. Penjanaan item telah dilakukan daripada sorotan kajian tentang nilai Melayu dan pandangan daripada pelbagai pihak seperti orang Melayu sendiri, ahli akademik asing, ahli sains sosial dan juga ahli politik. Satu senarai soalan telah diformulasikan untuk digunakan bagi mengenal pasti nilai-nilai Melayu. Penjanaan item soalan adalah berasaskan konsep-konsep teori nilai Melayu yang tertulis serta diakui oleh ramai penyelidik. Soalan-soalan atau item tersebut kemudian disemak oleh pakar dalam kajian Melayu untuk memberi kesahan dari segi kandungan dan muka.

Asasnya, jenis soalan utama yang digunakan bagi penyelidikan ini adalah berdasarkan tujuh mata Skala Likert. Skala Likert memerlukan responden mengukur tahap penerimaan atau penolakan dengan pelbagai kenyataan yang berhubung dengan pembinaan soalan (Aaker 2002). Semua soalan di dalam soal selidik ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Moore (1998) mencadangkan bagi penyelidikan silang budaya soalan soal selidik sepatutnya diterjemahkan dari satu bahasa dan ke bahasa yang lain, seperti di dalam kajian ini, soal selidik diterjemahkan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dan sebaliknya. Penterjemahan merupakan satu tugas yang merumitkan kerana terdapat beberapa perkataan yang tidak dapat disamakan di dalam bahasa Melayu mahu pun bahasa Inggeris untuk konsep-konsep tertentu. Untuk itu penyelidik memutuskan untuk menggunakan dwibahasa bagi soal selidik. Tambahan lagi kebanyakan orang Melayu bertutur di dalam keduanya bahasa. Penemu juga dilatih dan diajar dengan kehendak soalan.

Kaedah pensampelan bertujuan yang menggunakan temu bual persendirian tertadbir sebaik mungkin telah digunakan dalam penyelidikan ini. Pembanci telah diarah untuk memilih individu dari kumpulan etnik Melayu untuk menjawab soal selidik. Soal selidik kemudian telah diedarkan di empat zon utama di Semenanjung Malaysia terdiri dari zon Utara, Tengah, Pantai Timur dan Selatan. Sesetengah pihak beranggapan pensampelan cara ini tidak akan mewakili semua orang Melayu tetapi penyelidik berpendapat bahawa ianya bersesuaian bagi membangunkan skala sama seperti yang dinyatakan oleh De Vellis (2003). Mengikut De Vellis (2003) ianya difikirkan bersesuaian dan boleh diterima dalam proses pembangunan skala kerana bukannya nilai purata yang mewakili populasi yang dicari dalam proses tersebut tetapi apa yang penting sekali adalah bukti di mana skala tersebut mempunyai konsistensi dalaman (DeVellis 2003).

Dalam menentukan saiz sampel, kajian-kajian lepas telah dirujuk serta jenis analisa yang diperlukan telah diambil kira. Bagi kajian ini, seramai 500 responden telah disasarkan. Pengkajian yang serupa telah mengambil jumlah saiz sampel yang serupa atas alasan keperluan, statistik untuk mencapai objektif penyelidikan. Analisa seperti analisa faktor umpamanya mencadangkan garis panduan tertentu di dalam pemilihan saiz sampel.

Dalam penentuan saiz sampel dalam EFA, Comfrey dan Lee (1992) mencadangkan, kesesuaian saiz sampel mungkin boleh dinilai secara kasar pada skala 50-100-teruk, 100-sederhana, 300-baik, 500-sangat baik, >1000-cemerlang. Sesetengah penyelidik mencadangkan pemerhatian minima berbanding dengan item sebanyak 5:1 dalam EFA (Gorsuch 1983; Hair et al. 1998; Hatcher 1994). Analisis faktor, iaitu salah satu teknik yang digunakan dalam kajian ini dengan saiz sampel sepatutnya mempunyai nisbah 10:1, pemerhatian berbanding pemboleh ubah dan saiz sampel sepatutnya 100 atau lebih (Hair, Anderson, Tatham & Black 2006).

Terdapat beberapa pandangan tentang saiz sampel yang bersesuaian untuk digunakan dalam SEM. Pertama, kaedah ini berdasarkan teori saiz sampel besar, untuk itu ianya memerlukan analisa berdasarkan sampel yang besar. Pada masa yang sama, saiz sampel untuk SEM, seperti yang dicadangkan oleh Anderson dan Gerbing (1984, 1988) sekurang-kurangnya sebanyak 150 untuk mendapatkan parameter praktis dan berguna bagi model yang mempunyai tiga atau lebih petunjuk untuk satu faktor. Penyelidik lain mencadangkan sekurang-kurangnya 200 subjek untuk SEM dengan menggunakan ramalan maksimum yang sama (Hair et al., 1998; Kelloway 1998, Boomsma & Hoogland 2001).

Sejumlah 900 naskhah soal selidik telah diedarkan di Semenanjung Malaysia dalam tempoh lima bulan iaitu dari April hingga Ogos 2006. Kadar respons adalah sedikit rendah di mana hanya 610 naskah sahaja yang dikembalikan. Selepas memeriksa untuk memastikan isi jawapan yang lengkap, paten maklum balas yang dijangkakan dan tidak konsistennya jawapan hanya 537 naskah yang dirasakan layak untuk analisis deskriptif yang selanjutnya.

Taburan jantina para responden terdiri daripada 54.2% responden wanita dan 45.8% responden lelaki. Taburan umur pula secara relatifnya adalah serata di mana lingkungan majoriti umur yang menjawab adalah 26-30 tahun. Sebanyak 82.5% responden telah mempunyai anak dengan mod dan median 2 anak per seisi rumah ini, di mana boleh dirumuskan bahawa mod dan median bilang ahli isi rumah adalah 4. Untuk profil pendidikan, majoriti responden atau 61% dan 52% pasangan mereka miliki ijazah. Ini menggambarkan dalam segi pekerjaan sebahagian besar mereka adalah golongan profesional dan 2/3 daripada mereka bekerja di sektor swasta.

Sebanyak 38 soalan telah ajukan bagi menilai dimensi nilai Melayu. Pakar dan pihak berhubung

dengan pengajian Melayu telah dirujuk untuk menilai kesahan muka atau kandungan untuk penilaian tersebut. Disebabkan belum ada lagi kajian yang menganalisis secara statistik nilai Melayu, sepanjang pengetahuan penulis, data tersebut seharusnya terlebih dahulu dianalisis secara konsistensi dalaman iaitu item-item seperti jumlah korelasi dan prosedur analisis faktor. Prosedur-prosedur ini dilakukan dengan mengikuti cadangan prosedur pembangunan skala, seperti yang telah dicadangkan oleh De Villis (2003). De Villis (2003) menyatakan kebolehpercayaan skala adalah jumlah bahagian varian yang boleh menyumbangkan skor sebenar pemboleh ubah pendam (*latent*). Kebolehpercayaan konsistensi dalaman adalah berkaitan dengan keseragaman item di dalam skala. Alpha Cronbach yang digunakan secara meluas dalam ujian kebolehpercayaan, telah digunakan untuk mengukur konsistensi dalaman skala dimensi nilai Melayu.

Dapatkan ujian Alpha Cronbach untuk skala dimensi nilai Melayu berdasarkan 38 item bernilai 0.843. Korelasi antara item daripada item-item tersebut diuji terlebih dahulu untuk mengenal pasti item-item yang tidak kuat korelasi sesama sendiri. Korelasi item kepada jumlah bagi setiap item telah dilakukan dan item-item yang mempunyai nilai korelasi kurang daripada 0.5 telah diabaikan. Daripada 38 item tersebut, hanya 14 item sahaja yang memenuhi syarat di mana jumlah korelasinya adalah melebihi 0.5.

Penghalusan yang lebih mendalam item-item tersebut yang menilai nilai Melayu telah dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis faktor. Bagi menentukan kesesuaian analisis faktor, Pengukuran Keupayaan Pensampelan Kaiser-Mayer-Olkin dan Ujian Kesferaan Bartlett telah dilakukan terlebih dahulu. Skor untuk MSA adalah 0.934 dan Ujian Kesferaan Bartlett adalah signifikan menunjukkan analisis faktor sesuai untuk dilakukan. Analisis faktor telah dilakukan ke atas 14 item tersebut dengan menggunakan kaedah pemusingan varimaks dengan menggunakan nilai ‘eigenvalue’ 1 sebagai pengakhiran bagi penyelesaian dua faktor. Mengikut Hair (1998) faktor-faktor yang mempunyai eigenvalues lebih besar daripada 1 boleh dipertimbangkan sebagai signifikan dan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi apabila bilangan pemboleh ubah adalah di antara 20 hingga 50. Penyelesaian dua faktor menujukkan 54.57% nilai varian. Analisis faktor yang terhasil daripada satu item diabaikan. Hasil dari pemfaktoran, dua faktor Nilai Melayu dikenal pasti iaitu:

#### FAKTOR 1. (Keamanan, Harmoni dan Masyarakat)

1. Untuk diterima oleh masyarakat adalah penting buat saya.
2. Saya sentiasa menjaga adab dan merendah diri.
3. Saya percaya dalam mengadakan dan mengekalkan perhubungan.
4. Mengelakkan keharmonian dengan alam sekitar adalah penting buat saya.

5. Saya akan sentiasa cuba untuk membala jasa/budi.

**FAKTOR 2. (Mengambil berat dan bertimbang rasa)**

1. Saya sentiasa akan sensitif dengan perasaan orang lain apabila berkomunikasi.
2. Saya bersederhana dan tidak menunjukkan kebolehan saya.
3. Saya sentiasa bertolak ansur apabila berkemungkinan melakukannya.
4. Saya seorang yang fleksibel/luwes dan suka membantu.
5. Saya mengikuti adat upacara kaum Melayu.
6. Keluarga saya membantu antara satu sama lain.
7. Saya akan sentiasa menjaga nama baik keluarga.
8. Budi bicara sentiasa yang lakukan apabila berkemungkinan untuk melakukannya.

Konsistensi dalam Alpha Cronbach telah dikira semula dengan 13 item sahaja dan nilai Alpha Cronbach telah meningkat ke 0.96. Seterusnya pengesahan analisis faktor telah dilakukan ke atas 13 item nilai-nilai Melayu tersebut berdasarkan dua faktor. Jadual 1 menunjukkan model pertama yang menggunakan 13 item tersebut. Kekuatan model tersebut adalah seperti berikut. Nilai khi kuasa dua adalah 226.574 dengan nilai darjah kebebasan 64. Nilai kebarangkalian khi kuasa dua adalah 0.00. Nilai G.F.I adalah 0.931, TLI 0.924, CFI 0.937 dan RMSEA 00.74.

Pengubahsuaian indeks kemudiannya telah dirujuk untuk melihat kebarangkalian untuk memperbaiki kekuatan model. Pengubahsuaian indeks dan Piawai ralat sisa mencadangkan item perasaan, sederhana dan bantu harus digugurkan. Item-item tersebut digugurkan seperti yang dicadangkan dan keputusan padanan adalah seperti berikut.

Nilai khi kuasa dua dengan darjah kebebasan adalah 34. Nilai kebarangkalian nilai khi kuasa dua tetap signifikan di 0.00. G.F.I meningkat ke 0.96, TLI meningkat 0.964, CFI 0.973 dan RMSEA 0.056. Satu perbandingan untuk kedua model dengan indeks kekuatan yang dicadangkan ditunjukkan di dalam Jadual 1 dengan tambahan.

Skor-skor pengesahan faktor ditunjukkan di dalam Rajah 1. Penyelesaian dua faktor nilai Melayu adalah:

**FAKTOR 1. (Keamanan, Harmoni dan Boleh Bergaul)**

1. Untuk diterima oleh masyarakat adalah penting buat saya.
2. Saya sentiasa menjaga adab dan merendah diri.
3. Saya percaya dalam mengadakan dan mengekalkan perhubungan.
4. Mengelakkan keharmonian dengan alam sekitar adalah penting buat saya.
5. Saya akan sentiasa cuba untuk membala jasa/budi.

**FAKTOR 2. (Mengambil berat dan bertimbang rasa)**

1. Saya sentiasa bertolak ansur apabila berkemungkinan melakukannya.
2. Saya seorang yang fleksibel dan suka membantu.
3. Saya mengikuti adat upacara kaum Melayu.
4. Keluarga saya membantu antara satu sama lain.
5. Saya akan sentiasa menjaga nama baik keluarga.

Kesahan konstruk adalah tahap di mana set item-item yang dinilai menggambarkan konstruk pendam (latent) atau teori item-item yang direka untuk dinilai. Bukti kesahan konstruk memberi keyakinan item yang diukur, diambil daripada skor yang sebenar, yang wujud dalam populasi (Hair 2006). Mengikut Hair (2006) item yang merupakan penunjuk kepada konstruk yang terkhusus

JADUAL 1. Perbandingan Kedua Index Model Kepadan


	Model 1	Model 2	Suggested Fit Index
Chi square value	226.57	82.73	
Significance	0.00	0.00	> 0.05 (Hair 2006)
G.F.I	0.90	0.95	> 0.90 (Kelloway 1998) (Kline 1998)
T.L.I	0.92	0.96	> 0.95 (Hair 2006)
CFI	0.93	0.97	> 0.95 (Hu and Bentler 1999) (Kelloway 1998) (Kline 1998)
N.F.I	0.91	0.96	> 0.90 (Bentler & Bonett 1980) (Kelloway 1998) (Kline 1998) (Hair 1998)
RMSEA	0.74	0.05	< 0.06 (Hu and Bentler 1999) < 0.07 (Browne & Cudeck 1993) < 0.10 (Steiger 1990)

sepatutnya menyatu, atau berkongsi pecahan varian yang tinggi, yang juga dikenali sebagai kesahan tertumpu. Satu ukuran untuk menilai kesahan tertumpu boleh dilakukan dengan melihat pemberat faktor. Pemberat yang tinggi akan menunjukkan yang item-item menyatu pada beberapa titik yang sama. Hair (2006) mencadangkan supaya pada tahap minimum, kesemua pemberat sepatutnya mempunyai pemberat yang signifikan dan piawai bebanannya sepatutnya bernilai 0.5 atau lebih tinggi, idealnya 0.7. Di dalam model yang diunjurkan kesemua item-item tersebut mempunyai pemberat melebihi nilai 0.5.

Pengukuran yang kedua untuk kesahan tertumpu adalah penyingkiran varian. Penyingkiran varian telah diusulkan oleh Fornell dan Larker (1981) sebagai satu ukuran varian yang dikongsi atau bersama di dalam pemboleh ubah pendam (LV), iaitu jumlah varian yang terdapat dalam pemboleh ubah pendam di dalam hubungan jumlah varian yang disebabkan oleh ralat (Dillon dan Goldstein 1983). Dalam erti kata lain varian tersingkir adalah ukuran kepada varian bebas ralat dalam satu-satu set item. Kesahan tertumpu dinilai melalui

varian tersingkir yang mengukur peratusan jumlah varian data terkumpul untuk setiap konstruk (Fornell and Larcker 1981).

Hair (2006) mencadangkan supaya varian tersingkir yang melebihi 0.5 merupakan syarat yang bagus cadangan tertumpu yang mencukupi. Varian yang tersingkir yang nilainya kurang daripada 0.5 membawa erti secara puratanya lebih banyak ralat kekal dalam item yang diterangkan dengan struktur faktor pendam dilakukan ke atas pengukuran. Satu lagi penunjuk kesahan konstruk adalah konsistensi dalaman. Kewujudan konsistensi dalaman menunjukkan pengukuran-pengukuran tersebut secara teknikal mewakili konstruk pendam yang sama. Hair (2006) mencadangkan satu nilai yang melebihi 0.7 mempunyai kebolehpercayaan yang bagus. Kebolehpercayaan konstruk dan varian tersingkir untuk model yang diusulkan masing-masing bernilai 0.84 dan 0.49. Alpha Cronbach telah dikira semula untuk 10 item yang tertinggal selepas analisa faktor. Alpha Cronbach untuk 10 item yang ada adalah 0.884.



RAJAH 1. Analisis Pengesahan Faktor

KHM – Keamanan, Harmoni, dan Masyarakat  
MBTR – Mengambil berat dan bertimbang rasa

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai nilai-nilai Melayu secara statistik. Untuk itu, satu skala mengukur nilai Melayu telah dibangunkan. Analisis pengesahan faktor jelas mengesahkan nilai Melayu yang dinyatakan oleh penyelidik terdahulu adalah tepat. Keputusan menunjukkan skala pengukuran nilai Melayu mempunyai kesahan muka, kandungan dan konstruk serta tumpuan. Kebolehpercayaan terhadap skala yang diukur dengan nilai yang tinggi Alpha Cronbach menunjukkan kebolehpercayaan.

Kajian ini merupakan langkah ke arah penghasilan skala yang sah yang menumpukan kepada binaan satu skala nilai-nilai Melayu. Satu skala pengukuran nilai-nilai Melayu dapat diterbitkan di mana bukan sahaja kita mengenal pasti nilai-nilai Melayu malahan kita mampu mengetahui betapa nipis dan tebal nilai nilai Melayu tersebut dengan berpandukan skala pengukuran nilai Melayu. Sepertimana kajian lain, kajian ini tidak dapat lari dari kekurangan. Disebabkan sampel adalah terhad dan berbentuk sampel mudah, kajian ini tidak bertujuan merumuskan hasil kajian merangkumi semua kaum Melayu. Sebaliknya, sampel tersebut merupakan sokongan empirik permulaan untuk membangunkan dan menguji konstruk nilai-nilai Melayu.

Cadangan skala ukuran nilai-nilai Melayu masih lagi dalam peringkat perkembangan, dan hanya melalui aplikasi dan kegunaannya di masa hadapan barulah kesahan dan kegunaannya betul-betul diterokai. Dalam kajian ini, ukuran yang dibangunkan untuk konstruk nilai-nilai Melayu lahir dari pendekatan langkah demi langkah yang menyeluruh yang dimulakan dengan pemeriksaan ke atas sorotan kajian yang berkaitan, diikuti dengan penjanaan kenyataan dan melalui penilaian terperinci oleh ahli akademik dan pakar dari industri lantas memberikan kesahan kandungan. Tambahan lagi, semasa memperhalusi soal selidik, pakar dalam kajian Melayu telah menunjukkan kandungan faktor diwakili dengan baiknya oleh item pengukuran yang digunakan. Perlu diingatkan bahawa walaupun penilaian terhadap kesahan kandungan adalah subjektif, tetapi langkah-langkah yang digunakan dalam kajian ini adalah konsisten dengan penggunaan kajian yang sedia ada (De Vellis 1991; Churchill 1995).

Kajian ini adalah kajian penerokaan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentu dan menguji konstruk utama yang menilai nilai Melayu. Adalah dicadangkan kajian yang sama harus dilakukan untuk mengesahkan hasil dari kajian ini.

Akhir kata, kaum Melayu selalu dijelaskan sebagai mesra, suka membantu, pemaaf, penyayang dan pemurah serta mempunyai peri kemanusiaan yang kuat. Keputusan kajian ini membuktikan secara empirikal kesahan kajian penyelidik-penyalidik terdahulu mengenai sifat orang Melayu seperti Syed Hussein Alatas (1974) yang mencatatkan sifat-sifat Melayu

sebagai suka bantu membantu, berbudi serta beradab dan berkekerti.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail. 1998. Melayu dan kemelayuan: Peribadi anjal meredah zaman. Dlm. *Pengajian Sastera dan Sosial Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, disunting oleh Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan, 519-545. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Asma Abdullah. 1992. The influence of ethnic values on managerial practices in Malaysia. *Malaysian Management Review* 27: 3-18.
- Asmah Hj. Omar. 1992. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Comfrey, A.L. & Lee, H.B. 1992. *A First Course in Factor Analysis*. Hillsdale, NJ: Lawrence Elbaum Associate
- Dahlan, H. M. 1991. Local values in intercultural management. *Malaysian Management Review* 26(1): 45-50.
- De Vellis, R.F. 2003. *Scale Development: Theory and Applications 2nd Edition. Applied Social Research Methods Series Volume 26*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Goddard Cliff. 1991. Cultural values and ‘cultural scripts’ of Malay (Bahasa Melayu). *Journal of Pragmatics* 27: 183-201.
- Gorsuch, R.L. 1983. *Factor Analysis*. 2<sup>nd</sup> edition. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black, W. C. 1998. *Multivariate Data Analysis*. 5<sup>th</sup> edition. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Hassan Ahmad. 2001. Akal dan budi. *Dewan Budaya*, Julai: 42-43.
- Hassan Ahmad. 2001. Falsafah dan pemikiran Melayu. *Dewan Masyarakat*, Januari: 8-10.
- Hassan Ahmad. 2001. Jati diri Melayu pada alaf baru. *Utusan Malaysia*, 29 Mac.
- Hatcher, L. 1994. *A Step-By-Step Approach to Using the SAS System for Factor Analysis and Structural Equation Modeling*. Cary, NC: SAS Institute, Inc.
- Hofstede, G. & Michael H. Bond, 1984. Hofstede’s culture dimensions. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 15(4): 417-433.
- Hui Lim Kim. 2003. *IIAS Newsletter*, 31 July.
- Kluckholm, C. & Kroeber, A. 1952. *Culture: A Critical Review of Concepts and Definitions*. Cambridge. MA: Peabody Museum.
- Lim Leong, Y. 1998. Cultural Attributes of Malays and Malaysian Chinese: Implications for Research and Practice. *Malaysian Management Review* 33(2): 81-88.
- Lim Leong & Asma Abdullah. 2001. Cultural Dimensions of Anglos, Australians and Malaysian. *Malaysian Management Review* 36(2): 9-12.
- Moore. 1989. A cross-cultural research project-using the mail questionnaire. *The Quality Review of Marketing* 8: 14-17.
- Norazit Selat. 1995. Konsep Melayu Beradat dalam Penulisan Za’aba. Seminar Memperingati 100 Tahun Za’aba (19-20 Oct 1995: Kuala Lumpur)
- Rokeach, M. 1973. *Beliefs, Attitudes and Values. A Theory of Organization and Change*. San Francisco, CA: Jossey Bass.

- Schiffman Leon G & Kanuk Leslie Lazar. 2007. *Consumer Behavior*. 9<sup>th</sup> edition. Upper Saddle River. New Jersey: Pearson Education.
- Schwartz, S. H. 1994. Beyond individualism/collectivism: New dimensions of values. In *Individualism and Collectivism: Theory Application and Methods*, edited by U. Kim, H. C. Triandis, C. Kagitcibasi, S. C. Choi and G. Yoon. Newbury Park, CA: Sage
- Swift, M.G. 1965. *Malay Peasant Society in Jelebu*. London: Athlone Press.
- Syed Hussein Alatas. 1977. *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos and Javanese From the 16th to the 20th Century and Its Function in the Ideology of Colonial Capitalism*. London: F. Cass.
- Tham, S.C. 1977. *Malays and Modernization: A Sociological Interpretation*. Singapore: Singapore University Press.
- Tham, S.C. 1985. *Religion and Modernization: A Study of Changing Rituals among Singapore's Chinese, Malays and Indians*. Singapore: Graham Brash.

Jeannot Abdul Karim, Ph.D  
Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Pengajian Profesional  
Management and Science University  
Blok A, Jalan Equestrian 13/52 off Persiaran Sukan  
Seksyen 13  
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
E-mail: jeannet@msu.edu.my.